



Headline: Duit lesap dengan satu panggilan
Publication/Portal: Kosmo
Date: 4 October 2020

Language: Malay
Section: Panorama
Page: 32

Oleh MOHD. SHAZWAN YUSOP

SELEPAS bersara sebagai eksekutif sebuah kilang di Pulau Pinang, Salmah (bukan nama sebenar) banyak menghabiskan masa di rumah bersama keluarga.

Sebagai seorang suri rumah sepenuh masa, wanita berusia 56 tahun itu banyak menghabiskan waktu di ceruk dapur bagi menyiapkan sajian untuk suami dan anak-anaknya.

Pada satu pagi ketika sibuk menyiapkan sajian tengah hari, Salmah terdengar deringan telefon dari dalam bilik tidurnya.

Dia terus bergegas menjawab panggilan daripada orang tidak dikenali. Pemanggil lelaki berkenaan memperkenalkan diri sebagai anggota polis berpangkat inspektor dari Kuala Terengganu.

Perasaan Salmah mula berasa bimbang dan gementar kerana takut telah melakukan sebarang kesalahan atau jenayah.

"Macam ini, saya dapati ada orang telah menggunakan kad kredit milik puan yang hilang beberapa tahun lalu untuk tujuan penipuan di beberapa buah premis di negeri ini.

"Jadi, disebabkan kad kredit ini atas nama puan. Maka, kami minta puan untuk datang ke balai polis Kuala Terengganu dengan segera," ujar 'inspektor' polis tersebut.

Salmah yang ragu-ragu dengan pemanggil tersebut terus menamatkan panggilan disebabkan bimbang ditipu. Lagipun sepanjang hidupnya, dia tidak pernah mempunyai kad kredit.

Lantaran itu, Salmah telah membuat semakan nombor telefon menerusi Google, ternyata pemanggil terbabit daripada balai polis Kuala Terengganu.

Selang beberapa minit kemudian, Salmah sekali lagi menerima panggilan daripada 'inspektor' berkenaan.

"Kenapa puan letak panggilan sebentar tadi. Saya ingin bantu puan selesaikan masalah ini.

"Kalau puan tidak percaya, saya akan sambungkan panggilan ini kepada pihak mahkamah," ujar 'inspektor' itu dalam nada tegas.

Salmah bersetuju untuk meminta 'polis' berkenaan menyambungkan panggilan kepada pihak mahkamah bagi mendapatkan kepastian mengenai kesnya.

"Saya merupakan wakil mahkamah di sini. Macam ini, kami mahu puan datang ke sini untuk beri keterangan kepada mahkamah mengenai kes ini.

"Kalau puan tidak dapat datang, puan perlu bayar denda berjumlah RM20,000 hari ini bagi memastikan tidak ditangkap polis.

"Paling penting, jangan cerita perbualan kita ini kepada sesiapa termasuk ahli keluarga terdekat," ujar suara milik wanita yang mendakwa mewakili pihak mahkamah itu.

Salmah mula cemas kerana dia berasakan mustahil untuknya pergi ke Terengganu dari Kedah pada hari berkenaan.

Disebabkan rasa takut, Salmah terus bergegas ke pejabat pos berhampiran rumah untuk mengeluarkan wang simpanannya daripada akaun Amanah Saham Bumiputera sebanyak RM20,000.

Sewaktu ingin mengeluarkan wang sebanyak RM20,000, pihak pejabat pos tidak membenarkan dia berbuat demikian. Hal ini kerana wang tunai di kaunter ketika itu tidak mencukupi dan hanya mempunyai RM10,000.

Salmah tetap meneruskan niatnya untuk



BERHATI-HATI jika mendapat panggilan telefon daripada orang tidak dikenali yang memaklumkan anda terbabit dengan kes jenayah supaya tidak terperangkap dengan sindiket penipuan terancang. - GAMBAR HIASAN

Duit lesap dengan satu panggilan



Disebabkan rasa takut, Salmah terus bergegas ke pejabat pos berhampiran rumah untuk mengeluarkan wang simpanannya daripada Amanah Saham Bumiputera sebanyak RM20,000."



JANGAN mudah terpedaya memasukkan wang ke akaun orang tidak dikenali. - GAMBAR HIASAN

mengeluarkan wang simpanannya meskipun hanya separuh daripada nilai dikehendaki.

Kemudian, dia terus pergi ke bank berhampiran untuk memasukkan jumlah wang ke dalam akaun yang diberikan wakil 'mahkamah' berkenaan.

Salmah telah menelefon wakil 'mahkamah' berkenaan untuk memaklumkan bahawa dia hanya dapat memasukkan wang sebanyak RM10,000 pada hari itu.

"Puan boleh dianggap menghina mahkamah. Kami tetap mahukan RM20,000 pada hari ini sebelum pukul 5 petang. Kalau tidak, kami

akan keluaran waran tangkap," ujar wakil 'mahkamah' itu.

Salmah tidak ada pilihan lain dan dia terus menelefon suaminya yang bertugas sebagai pegawai kerajaan untuk meminjam wang bagi membuat pembayaran penuh.

Suaminya yang berasa curiga dengan keadaan itu menegaskan, Salmah mungkin telah ditipu sindiket scammer yang cuba mengaut keuntungan mudah.

Sebaik suaminya pulang ke rumah, mereka berdua telah ke balai polis berhampiran bagi membuat pengesahan mengenai kesnya di Kuala Terengganu.

"Hasil semakan rekod kami, nama puan tidak ada dalam mana-mana laporan polis. Jadi, kami syak, puan mungkin telah ditipu oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Penjenayah ini telah memintas nombor telefon balai polis sebenar untuk tujuan menipu orang ramai," ujar anggota polis tersebut.

Apabila mengetahui dirinya ditipu, Salmah berasa sangat kecewa dan sedih apabila wang simpanannya untuk hari tua sebanyak RM10,000 lesap sekelip mata.

Meskipun begitu, dia berasa bersyukur kerana jumlah wang yang diberikan tidak mencecah RM20,000 seperti dikehendaki penjenayah tersebut.

"Saya berasa seperti dipukau. Disebabkan panik dan rasa takut ditangkap polis, saya keluaran wang simpanan tanpa berfikir panjang.

"Saya sangat menyesal kerana tidak membuat semakan berkaitan kes berkenaan di balai polis berhampiran terlebih dahulu," ujar Salmah dalam nada kesal.